



**UCAPAN PEMBUKAAN
(SECARA RAKAMAN)**

**YBHG. PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**CHIT CHAT KELESTARIAN 2.0 :
MEMPERKASAKAN TEKNOLOGI MALAYSIA MELALUI
WANITA DALAM STEM**

RABU, 17 FEBRUARI 2021

10.30 PAGI

FB LIVE: UTM SUSTAINABLE CAMPUS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Salam sejahtera dan Salam lestari,
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Terima kasih kepada saudari moderator, Dr. Azlin Abd Jamil.

[Salutasi]

YBhg. Datuk Dr. Hafsah Hashim

Pengerusi, Pharmaniaga Berhad

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr Ruslinda A.Rahim

Pengarah Pusat Nanoteknologi Kebangsaan

Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI)

YBrs. Ts. Dr Rozetta Dolah

Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi & Informatik Razak,

Universiti Teknologi Malaysia

Tuan-tuan dan puan-puan para penonton yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atas kesudian MOSTI menjadi penganjur bersama dalam menjayakan sesi webinar pada hari ini.
2. Bersempena "*International Day of Women and Girl in Science*" yang disambut pada 11 Februari 2021, Universiti Teknologi Malaysia turut sama menjayakan agenda pemerkasaan wanita dalam usaha ke arah meningkatkan penglibatan wanita seterusnya mendokong agenda pembangunan negara.
3. Webinar pada hari ini dengan tajuk 'Memperkasakan Teknologi Malaysia Melalui Wanita Dalam STEM' diharap

dapat menjadi platform diskusi libat sama berkonsepkan lingkaran empat pihak (Quadruple Helix) sebagai teras petunjuk prestasi utama bagi penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) di peringkat Institusi Pengajian Tinggi bersama penglibatan industri, badan kerajaan dan komuniti.

4. Dalam usaha ke arah penerapan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDGs*), membangunkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) menjadi agenda penting dengan tumpuan menerokai pendekatan yang kreatif dan inovatif bagi memimpin Malaysia menghadapi cabaran ekonomi baharu.

5. Lebih banyak akses kepada ruang dan peluang diharap dapat menggalakkan penyertaan wanita dalam pelbagai sektor seterusnya menyantuni pencapaian sasaran matlamat dan indikator Matlamat Pembangunan Lestari.

Hadirin Sekalian,

6. Lebih banyak lagi sumbangan kepakaran dan penglibatan tenaga wanita diperlukan untuk mengisi pelbagai keperluan kepakaran dalam bidang tersebut. Justeru itu, persepsi melabelkan kerjaya bidang kritikal khususnya Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sesuai untuk lelaki perlu diubah bagi mengurangkan ketidakseimbangan jurang jantina dalam bidang berkenaan.

7. Oleh itu, platform perbincangan ilmiah secara atas talian seperti webinar ini adalah sangat bersesuaian dan berkesan bagi memperluaskan pendampingan sosial (reaching out) dalam penyebaran ilmu kepada komuniti. Tahniah diucapkan kepada Pejabat Pelestarian Kampus UTM atas inisiatif yang telah diambil dan koordinasi sinergi bersama pelbagai pihak bagi menjayakan webinar ini.

8. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada panel penceramah atas kesudian berkongsi ilmu dan pengalaman melalui wacana ini, serta kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran siri Chit Chat Kelestarian 2.0 ini yang berusaha dalam memastikan kejayaan dan kelancaran sepanjang program ini berlansung. Tidak dilupakan juga para penonton yang sedang mengikuti program ini di platform FB Live.

9. Semoga perkongsian dari ahli-ahli panel yang hebat ini dapat dijadikan sebagai panduan dan memberikan inspirasi dan manfaat tidak ternilai kepada semua.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية، والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.